

## **BAB 2A**

# **PEMERIKSAAN DAN PENYIASATAN**

### **2A.1 TAKRIF**

Dalam Bab 2A ini, "Orang yang Berkaitan" bermaksud ejen, pengarah dan kakitangan Peserta Penjelasan.

### **2A.2 HAK PUSAT PENJELASAN UNTUK PEMERIKSAAN**

- (1) Pusat Penjelasan boleh melakukan pemeriksaan ke atas suatu Peserta Penjelasan pada bila-bila masa tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kaedah-kaedah ini, polisi dan prosedur dalaman Peserta Penjelasan dan apa-apa kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengan fungsinya sebagaimana yang dikawal di bawah Kaedah-kaedah ini.
- (2) Suatu Peserta Penjelasan dan Orang yang Relevan hendaklah:
  - (a) memberikan atau mendapatkan untuk Pusat Penjelasan semua maklumat, Dokumen, Buku dan Rekod yang diminta oleh Pusat Penjelasan dan membenarkan Pusat Penjelasan mengambil salinan dan mengekstrak Dokumen, Buku dan Rekod sedemikian; dan
  - (b) memberikan akses kepada Pusat Penjelasan kepada premis-premis yang relevan agar Pusat Penjelasan dapat melakukan pemeriksaan di bawah Kaedah 2A.2.
- (3) Suatu Peserta Penjelasan dan Orang yang Relevan hendaklah:
  - (a) tidak menyekat atau menghalang Pusat Penjelasan semasa pemeriksaan itu; dan
  - (b) memberikan semua bantuan kepada Pusat Penjelasan yang diperlukan dengan munasabah oleh Pusat Penjelasan untuk melakukan pemeriksaan.

### **2A.3 [Dipotong]**

### **2A.4 PELAPORAN**

- (1) Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta Penjelasan yang berkenaan tentang dapatan pemeriksaan Pusat Penjelasan.
- (2) Suatu Peserta Penjelasan hendaklah membentangkan dapatan Pusat Penjelasan kepada lembaga pengarah Peserta Penjelasan secepat mungkin.
- (3) Suatu Peserta Penjelasan hendaklah, dalam masa sedemikian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan:
  - (a) mengambil langkah pembetulan bagi menangani dapatan Pusat Penjelasan; dan

- (b) memberitahu Pusat Penjelasan secara bertulis akan tindakan yang diputuskan dan langkah pembetulan yang diambil (jika ada) oleh lembaga pengarah Peserta Penjelasan untuk menangani daptan Pusat Penjelasan.

**2A.5 [Dipotong]**

**2A.6 KUASA PENYIASATAN**

- (1) Pusat Penjelasan boleh melakukan penyiasatan ke atas suatu Peserta pada bila-bila masa tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kaedah-kaedah ini, polisi dan prosedur dalaman Peserta dan apa-apa kaedah-kaedah dan peraturan lain yang berkaitan dengan fungsinya sebagaimana yang dikawal di bawah Kaedah-kaedah ini.
- (2) Pusat Penjelasan diberikan kuasa untuk:
- (a) Menghendaki suatu Peserta agar hadir ke Pusat Penjelasan pada bila-bila masa dan untuk memberikan maklumat sedemikian yang relevan dengan penyiasatan itu;
  - (b) merekodkan pernyataan daripada orang yang dirujuk dalam Kaedah 2A.6(2)(a). Pernyataan yang direkodkan boleh digunakan dalam prosiding disiplin terhadap suatu Peserta;
  - (c) menghendaki suatu Peserta agar mendapatkan kehadiran mana-mana Orang yang Relevan atau perunding ke Pusat Penjelasan dan untuk memberikan atau mendapatkan maklumat sedemikian yang relevan kepada penyiasatan;
  - (d) menghendaki Peserta atau Orang yang Relevan agar memberikan atau mendapatkan maklumat, Dokumen, Buku atau Rekod untuk Pusat Penjelasan yang mungkin relevan kepada penyiasatan termasuklah menghendaki Orang yang Relevan untuk membuat salinan atau Pusat Penjelasan mengambil ekstrak bagi perkara yang sama;
  - (e) memasuki premis Peserta atau Orang yang Relevan untuk merampas, menahan atau mengambil pemilikan bagi apa-apa harta, Dokumen, Buku atau Rekod yang ditemui di premis Peserta atau Orang yang Relevan atau yang dimiliki, di bawah jagaan atau kawalan Orang yang Relevan, yang mungkin relevan kepada penyiasatan; atau
  - (f) mengenakan kehendak yang sedemikian ke atas Peserta yang difikirkan perlu dengan munasabah oleh Pusat Penjelasan untuk memudahkan penyiasatan.
- (3) Peserta dan Orang yang Relevan hendaklah:
- (a) tidak menyekat atau menghalang Pusat Penjelasan semasa penyiasatan itu;
  - (b) memberikan semua bantuan kepada Pusat Penjelasan yang diperlukan dengan munasabah oleh Pusat Penjelasan untuk melakukan penyiasatan; dan
  - (c) mematuhi dan memberi efek kepada apa-apa direktif, perintah, arahan atau nota prosedur yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan dalam melaksanakan kuasanya di bawah Kaedah 2A.6(2).

**2A.7 [Dipotong]**